

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 21 MAC 2017 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	PV mampu hasil RM70 bilion dan 50,000 pekerjaan	BERNAMA
2.	Photovoltaics (PV) can generate RM70 billion, 50,000 jobs	BERNAMA
3.	Loji nuklear: Malaysia mahu contohi Jepun	Utusan Malaysia
4.	Jepun jemput Malaysia lawat loji nuklear	Berita Harian



PV Mampu Hasil RM70 Bilion Dan 50,000 Pekerjaan

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Malaysia mampu menjana hasil bernilai RM70 bilion dan mewujudkan 50,000 peluang pekerjaan melalui industri 'photovoltaics' (PV) menjelang 2020.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad

Diah berkata salutan bahan konduktif untuk industri PV, 'Solar Cell', merupakan sumbangan terbesar kepada industri teknologi filem nipis di negara ini.

"Pada masa kini, Malaysia merupakan negara pengeluar PV ketiga terbesar dunia selepas China dan Kesatuan Eropah," katanya pada sesi soal jawab di persidangan Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan Dr Rosli Che Mat (PAS-Hulu Langat) mengenai perkembangan semasa teknologi filem nipis dan sumbangan besar dalam industri.

Dr Abu Bakar berkata terdapat sebanyak lapan buah syarikat pengeluaran PV di negara ini iaitu First Solar dan Panasonic Energy Malaysia di Kulim Hi-Tech Park; JA Solar, Jinko Solar dan TS Solartech di Pulau Pinang; SunEdison di Ipoh; SunPower di Melaka; dan Q-Cells Malaysia di Cyberjaya.

Katanya, kementerian sentiasa menyokong dan menggalakkan industri-industri tempatan untuk menerokai dan mengguna pakai teknologi termaju seperti teknologi filem nipis tersebut.

"Pelbagai inisiatif dilaksanakan secara terus melalui agensi di bawah kementerian atau melalui sokongan dana penyelidikan dan pembangunan seperti geran untuk prapengkomersialan, bantuan pinjaman kewangan untuk mendapatkan teknologi berkaitan yang sedia ada," katanya.

-- BERNAMA



Photovoltaics (PV) Can Generate RM70 Billion, 50,000 Jobs

KUALA LUMPUR, March 20 (Bernama) -- Malaysia can potentially generate RM70 billion and 50,000 job opportunities from the photovoltaics (PV) industry by 2020.

Science, Technology and Innovation Deputy Minister Datuk Dr Abu Bakar

Mohamad Diah said solar cell conductive coating materials contributed significantly to the thin-film technology industry in the country.

"Currently, Malaysia is the world's third largest PV manufacturers after China and the European Union," he said during the question and answer session at the Dewan Rakyat here today.

He was responding to Dr Rosli Che Mat (PAS-Hulu Langat) on the current development of thin-film technology and its significant contribution to the industry.

Abu Bakar said there were eight PV production companies in the country, namely, First Solar and Panasonic Energy Malaysia in Kulim Hi-Tech Park; JA Solar, Jinko Solar and TS Solartech in Penang; SunEdison in Ipoh; SunPower in Melaka; and Q-Cells Malaysia in Cyberjaya.

He said the ministry had always supported and encouraged local industries to explore and adopt advanced technologies such as thin film technology.

"Various initiatives were undertaken directly by the ministry's agency or through research and development fund support such as grants for pre-commercialisation and financial assistance to get the existing related technologies," he said.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 13
TARIKH : 21 MAC 2017 (SELASA)

Loji nuklear: Malaysia mahu contohi Jepun



DELEGASI Malaysia tiba di Tokyo, Jepun bagi lawatan pemahaman umum mengenai tenaga nuklear selama enam hari bermula semalam.



MUHAMAD AMIRUL
AFIQ MASTOR

Melaporkan dari TOKYO, JEPUN

■ TOKYO 20 MAC

MALAYSIA mengkaji langkah dan peraturan keselamatan ketat diambil oleh kerajaan Jepun selepas tragedi yang menimpa loji tenaga nuklear Fukushima pada 2011 sempena lawatan kerja pemahaman awam oleh Perbadanan Kuasa Nuklear Malaysia (MNPC) ke sini. Ketua Pegawai Eksekutif MNPC, Dr. Mohd. Zamzam Jaafar berkata, segala input yang diperoleh sepanjang lawatan tersebut akan dipertimbangkan dalam merancang pembinaan loji tenaga nuklear pertama negara pada 2031.

"Lawatan kerja ini dibuat bagi memenuhi jemputan Pusat Ker-

jasama Antarabangsa (JAIF) Forum Industri Atom Jepun (JICC) dalam memupuk kesedaran awam mengenai tenaga nuklear dari segi keselamatan dan penggunaannya termasuk kesan kepada alam sekitar.

"Diharapkan pada akhir lawatan ini nanti, pelbagai input dapat diperoleh dalam merancang cadangan pembukaan loji tenaga nuklear pertama negara menjelang 2031," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Seramai 25 peserta termasuk wakil Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) menyertai lawatan ke beberapa stesen dan loji janakuasa nuklear di Jepun selama enam hari.

Delegasi itu diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr. Zaini Ujang.

Lawatan kerja tersebut ber-

tujuan memberi pemahaman umum mengenai tenaga nuklear terutama dari aspek membekalkan tenaga elektrik serta penerimaan masyarakat dan kesan kepada alam sekitar.

Stesen yang dilawati ialah Stesen Tenaga Nuklear Kashiwazaki-Kariwa yang merupakan stesen tenaga nuklear terbesar di dunia dan Loji Tenaga Nuklear Ikata serta kilang pengeluaran reaktor nuklear, Mitsubishi Heavy Industry.

Minggu lalu, sekumpulan pakar Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) menyerahkan Laporan Semakan Bersepadu Infrastruktur Nuklear (INIR) mengenai cadangan Malaysia untuk membina loji tenaga nuklear yang dijangkakan pada 2031.

MNPC diberikan tanggungjawab untuk mengkaji perkara tersebut dan kini masih berada di fasa pertama sebelum cadangannya dilaksanakan.

Jepun jemput Malaysia lawat loji nuklear



Sebahagian daripada delegasi Malaysia yang menyertai program lawatan kerja pemahaman awam mengenai tenaga nuklear Jepun selama enam hari bermula semalam.

➔ JAIF JICC kongsi maklumat usaha tingkat keselamatan

ifwan
Tun Tuah

ifwangbh.com.my

► Tokyo



(KSU) Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA), Datuk Seri Dr Zaini Ujang.

Mengulas lanjut, Mohd Zamzam berkata, delegasi itu akan dibawa melawat Stesen Jana Kuasa Nuklear Kashiwazaki Kariwa di Nagaoka, Loji Jana Kuasa Nuklear Ikata di Shikoku dan kilang pengeluaran reaktor loji nuklear Mitsubishi Heavy Industries- Kobe Shipyard & Machinery Works di Kobe.

Beliau berkata, JAIF JICC akan memberi penerangan mendalam mengenai usaha dilakukan bagi meningkatkan tahap keselamatan loji nuklear di negara itu selepas bencana Loji Jana Kuasa Fukushima Daiichi pada Mac 2011.

Reaktor nuklear musnah

Bencana itu berlaku apabila gempa bumi mega magnitud 9.0 menggempakan Jepun pada 11 Mac 2011, mencetuskan tsunami besar-besaran yang turut memusnahkan reaktor nuklear terabit, sekali gus menyebabkan pencemaran radioaktif.

Sementara itu, Mohd Zamzam berkata, MNPC yang ditubuhkan pada 7 Januari 2011 sebagai syarikat di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM), adalah organisasi pelaksana Program Tenaga Nuklear mengikut prosedur yang disyorkan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA).

Katanya, MNPC bertanggungjawab merancang, menerajui dan menyelaras pelaksanaan program pembangunan tenaga nuklear selain mengambil tindakan perlu untuk merealisasikan pembangunan loji jana kuasa nuklear pertama di Malaysia.

Jepun mewujudkan pelbagai peraturan baharu bagi meningkatkan tahap keselamatan operasi loji jana kuasa nuklear selepas tragedi Fukushima pada 2011.

Ketua Eksekutif Malaysia Nuclear Power Corporation (MNPC), Dr Mohd Zamzam Jaafar, berkata perkara itu akan diberi penekanan dalam program lawatan kerja pemahaman awam mengenai tenaga nuklear Jepun di negara ini, selama enam hari, bermula semalam.

Beliau berkata, lawatan kerja diselenggarakan pihaknya itu, dibuat atas jemputan Pusat Kerjasama Antarabangsa (JAIF) Forum Industri Atom Jepun (JICC).

"Jepun mempunyai program kesedaran mengenai nuklear yang menyeluruh bagi rakyatnya sendiri selain negara lain yang berminat untuk memahami pelaksanaan program kuasa nuklear mereka.

"Dalam program ini, JAIF JICC akan membawa kami melawat loji jana kuasa nuklear dan memberi penerangan mengenai operasi stesen terabit," katanya selepas tiba di sini, semalam.

Yang turut menyertai lawatan itu ialah Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah; Timbalan Ketua Pengarah (Sektoral) Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Datuk Allauddin Anuar dan Ketua Setiausaha

Info

Malaysia-Jepun

➔ Lawatan kerja atas jemputan Pusat Kerjasama Antarabangsa (JAIF) Forum Industri Atom Jepun (JICC)